

12 JUL 2003

Multaqa-Reaksi/I

PERWAKILAN PUJI MULTAQA LANCAR, CAPAI OBJEKTIF

PUTRAJAYA, 12 Julai (Bernama) -- Anggota-anggota perwakilan pada Multaqa Ulama Sedunia yang berakhir di sini hari ini memuji kelancaran persidangan tiga hari itu, yang menurut mereka diadakan tepat pada masanya ketika dunia Islam dibelenggui pelbagai isu.

Selain mencapai objektifnya untuk membincangkan hal-ehwal Islam dan ummah, Dr Muhyiddin Ahmad dari Mesir berkata penganjuran multaqa itu oleh Malaysia menawarkan platform kukuh bagi umat Islam seluruh dunia menyuarakan pandangan mereka.

"Pada masa umat Islam menghadapi waktu-waktu sukar untuk bercakap mengenai Islam, multaqa ini menawarkan venue bagi membolehkan kami menyatakan pandangan, menyelesaikan isu-isu dan menggalakkan perpaduan.

"Seringkali, persidangan yang diadakan membincangkan mengenai isu-isu politik dan dihadiri hanya oleh pemimpin politik tetapi multaqa ini berbeza.

"Ia membenarkan para ulama untuk berhimpun buat pertama kalinya bagi membincangkan hal-ehwal Islam," katanya semasa ditemui selepas penutupan multaqa itu oleh Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, yang mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, hari ini.

Multaqa pertama bertema "Islam dalam Era Globalisasi" anjuran Jabatan Perdana Menteri itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lepas. Ia dihadiri kira-kira 900 peserta dari 34 negara termasuk 90 ulama luar negara.

Editor "The Muslim News" yang berpejabat di London Ahmed Versi berkata multaqa itu membolehkan para intelektual membincangkan isu-isu yang mendesak.

"Topik seperti globalisasi yang memberi kesan kepada umat Islam telah dibincangkan dan ini sangat berguna. Saya kagum dengan isu-isu wanita yang dibangkitkan seperti hak dan institusi keluarga. Ia telah dipinggirkan sejak sekian lama," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata beberapa penyelesaian alternatif bagi sesetengah isu semasa tidak dibincangkan.

"Ramai anak muda sekarang dipengaruhi globalisasi menerusi muzik dan budaya. Apakah penyelesaian alternatif bagi ini? Ulama-ulama harus berwaspada dengan isu-isu politik, ekonomi dan sosial kontemporari yang berlaku dalam dunia sekarang," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Majlis Ulama Indonesia Prof Dr Mohamed Din Syamsuddin berkata multaqa itu menjadi perintis kepada penganjuran persidangan serupa pada masa depan.

Beliau berharap sembilan resolusi multaqa itu dapat dilaksanakan bagi memajukan dan mengukuhkan lagi perpaduan ummah, dan bukan hanya retorik semata-mata.

Menurutnya pada tahun 1970-an, ramai cendekiawan Barat meramalkan negara-negara Asia sama ada Malaysia atau Indonesia akan mempelopori kebangkitan dunia Islam di rantau Asia Tenggara.

"Ternyata ramalan itu tepat apabila Malaysia di bawah kepimpinan (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad muncul sebagai negara Asia yang berjaya membawa umat Islam ke arah kemajuan," katanya.

Beliau berkata Malaysia juga berada pada landasan tepat sebagai penggerak kepada kemajuan dan kebangkitan negara Islam di rantau Asia.

Mengenai penubuhan sekretariat tetap Multaqa Ulama Sedunia, Dr Mohamed

Din berharap badan itu bergerak aktif dalam menyuarakan pandangan masyarakat Islam berkaitan isu-isu yang membabitkan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pusat Penyelidikan Syariah di Universiti Takushoku Jepun Profesor Hideomi Muto atau Tayeb El-Mokhtar berkata usaha-usaha bagi penyatuan lebih kukuh di kalangan umat Islam dan negara-negara Islam perlu diteruskan walaupun selepas tamatnya setiap persidangan.

Sambil memuji usaha menghimpunkan ulama bagi berbincang dan bertukar-tukar pendapat untuk meningkatkan taraf ummah, beliau berkata resolusi yang diluluskan pada multaqa itu akan menyumbang kepada membantu umat Islam minoriti seperti di Jepun menjadi lebih kukuh.

Malah, katanya nasihat Dr Mahathir dan Sheikh Al-Azhar Dr Muhammad Sayyid Tantawi yang meminta umat Islam terus bersatu dan mendapatkan ilmu pengetahuan adalah penting di tengah-tengah perkembangan global semasa.

"Nasihat mereka perlu dianggap sebagai pencetus kesedaran seterusnya berhubung ancaman masa depan," katanya.

Sementara itu, Zahir Abdullah Al-Abri dari Kementerian Kehakiman Oman memuji kertas-kertas kerja yang dibentangkan pada multaqa itu yang menurutnya sangat spesifik dan para ulama dan cendekiawan membincangkannya dengan minda terbuka.

Beliau berharap lebih banyak acara serupa dapat dianjurkan dari semasa ke semasa.

Pendapatnya turut disokong oleh Mufti Agung bahagian Asia di Rusia Sheikh Nafigulla Ashirov yang berkata beliau percaya multaqa sedemikian dapat membantu perkembangan peradaban umat Islam pada masa depan.

Wakil Persatuan Islam Cina Malaysia Datuk Abdullah Ma pula berkata kerajaan Malaysia patut dipuji kerana usahanya menghimpunkan ulama-ulama dari seluruh dunia untuk berbincang.

Beliau berkata kerajaan Malaysia juga perlu meneruskan kerjasamanya dengan ulama tempatan bagi memastikan setiap orang mendapat mesej yang dikeluarkan oleh multaqa itu.

-- BERNAMA  
NM MAM NAK